

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI DAN ANGGOTA MPOU



airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2858-majlis-pemakaian-pangkat-pegawai-dan-anggota-mpou

KUALA LUMPUR, 10 Jan 18 – Panglima Operasi Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM telah menyempurnakan majlis pemakaian pangkat bagi pegawai dan anggota Lain-lain Pangkat (LLP) Markas Pemerintahan Operasi Udara (MPOU) hari ini.

Pegawai yang dinaikkan pangkat adalah Kapt Rosrizalrafi bin Roseli TUDM yang dinaikkan ke pangkat Mejar TUDM berkuatkuasa mulai 2 Jan 18. Manakala bagi anggota LLP adalah FSjn Saharol Khairani bin Adan dinaikkan ke pangkat Pegawai Waran Udara 2 dan Sjn U (W) Sharifah binti Mat Isa dinaikkan ke pangkat Flait Sarjan Udara berkuatkuasa 2 Jan 18.

Tahniah diucapkan kepada pegawai dan anggota LLP yang dinaikkan pangkat.

